


Padah naik harga lebih 100 peratus



TIMBALAN Pengarah Pencegahan Bahagian Penguatan Kuasa KPDNHEP Putrajaya Azman Adam (kanan) bersama Ketua Pegawai Penguatan Kuasa Daerah KPDNHEP Kajang Mohamad Sani Mohammad Nor (kiri) menunjukkan cecair pembasmi kuman yang dirampas dalam serbuan di gudang sebuah syarikat pengeluar produk berkenaan di Bukit Angkat, Kajang.

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

PERMINTAAN tinggi terhadap cecair pembasmi kuman mendorong sebuah syarikat menaikkan harga produk itu lebih 100 peratus dalam tempoh kurang dua minggu.

Bagaimanapun helah itu terbongkar selepas serbuan dilakukan tujuh pegawai dan anggota penguatan kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kajang di gudang syarikat berkenaan di Bukit Angkat, Kajang, Selangor, kira-kira jam 1 tengah hari tadi.

Timbalan Pengarah Pencegahan Bahagian Penguatan Kuasa KPDNHEP Putrajaya Azman Adam berkata, serbuan itu dilakukan selepas pihaknya menerima aduan orang awam berhubung peningkatan harga cecair pembasmi kuman dikeluarkan syarikat berkenaan yang dijual secara dalam talian.

"Berdasarkan pemerhatian awal dilakukan awal bulan lalu di laman sesawang syarikat berkenaan mendapati harga bagi satu pek cecair pembasmi kuman seberat lima liter dijual RM118 berbanding harga sebelumnya RM112."

"Bagaimanapun dua minggu kemudian, harga produk berkenaan terus meningkat hingga mencécah 100 peratus iaitu dijual pada harga RM228," katanya pada sidang media di lokasi serbuan.

Azman berkata, pihaknya turut merampas 37 pek cecair pembasmi kuman seberat lima liter setiap satu dianggarkan bernilai RM8,436 dalam serbuan itu.

"Kami memandang serius berhubung peningkatan harga cecair pembasmi kuman berikutan permintaan semakin meningkat dalam kalangan pengguna berikutan penularan virus Covid-19 (koronavirus baharu).

"Perkara itu perlu dibendung bagi mengelakkan rasa panik dalam kalangan pengguna kerana kekurangan serta peningkatan harga produk terbabit di pasaran," katanya.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 12 Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung aktiviti penjualan cecair pembasmi kuman yang meragukan diminta menyalurkan informasi melalui sembilan saluran disediakan kepada pihak KPDNHEP untuk tindakan lanjut.

"Pembekal serta peniaga turut dinasihatkan supaya memberi kerjasama kepada pengguna dan kerajaan bagi memastikan produk kawalan sentiasa berada dalam pasaran mengikut harga ditetapkan," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 13 Februari 2020 @ 7:47 PM

